


NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

'GREEN LEARNING PROGRAMME'

Dr. Sutina Junos

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Green Learning Programme merupakan sebuah program tanggungjawab sosial universiti dan khidmat masyarakat yang telah dianjurkan oleh pelajar - pelajar iCEPS Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Ekonomi Perniagaan (BA250) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bagi kursus Environmental Economics (ECO646). Program ini telah diadakan pada 23 Januari 2024 hingga 24 Januari 2024 bertempat di Pantai Saujana dan PD Forest, Port Dickson Negeri Sembilan dengan kerjasama SWM Environment Sdn Bhd, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Port Dickson dan Entrepreneurial Management and Leadership Development (EMLD), Special Interest Group (SIG) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Program ini merupakan aktiviti yang perlu dijalankan oleh pelajar kerana ianya merupakan salah satu aspek penilaian berterusan bagi kod kursus ECO646 iaitu sebanyak 40% daripada markah keseluruhan.



Gambar 1 : Poster Program

Antara objektif lain penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan masyarakat akan kesedaran menjaga alam sekitar khususnya di persekitaran pantai dan hutan, memberi pendedahan mengenai sisa domestik, sisa pepejal dan sisa yang boleh dikitar semula serta prosesnya dan mengetahui impak kepada negara sekiranya alam sekitar tidak dipelihara dengan baik. Selain daripada itu, ianya juga diadakan untuk memperkenalkan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti penjagaan persekitaran pantai dan hutan serta memahami peraturan - peraturan yang perlu dipatuhi.

Aktiviti kesukarelawan pembersihan kawasan Pantai Saujana dan slot taklimat bersama pihak SWM Environment berkenaan kitar semula telah diadakan pada hari pertama program yang melibatkan seramai 8 orang pelajar, 2 orang staf SWM Environment dan 10 orang staf AADK Port Dickson. Pada hari kedua pula pelajar - pelajar telah didedahkan mengenai perlaksanaan prosedur dan tatacara berkaitan dengan penanaman semula pokok terutamanya pokok balak, mengetahui tugas - tugas penguatkuasaan Jabatan Perhutanan serta membuat lawatan ke tapak kajian Fenologi di PD Forest Port Dickson.



Gambar 2 : Aktiviti Pembersihan Pantai Saujana dan Sesi Taklimat bersama pihak SWM Environment



Gambar 3: Aktiviti di PD Forest, Port Dickson

Secara keseluruhan program ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dan memberikan impak yang berkesan kepada pelajar dari segi kesedaran untuk menghargai alam sekitar dan kepentingan penjagaan pantai dan hutan.



Gambar 4: Gambar peserta program dan pihak terlibat